

## STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

**NAMA PUSAT : DISCOVERY CENTRE**

**PUSAT/ FUNGSI : PENEROKAAN**

**TAJUK/TEMA : ROKET BOTOL STREAM**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>CATATAN</b>	
<b>1</b>	<b>STANDARD KANDUNGAN.</b>	SA2.4	Membuat inferens
<b>2</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	SA 2.4.1	Membuat andaian yang mudah dan munasabah berdasarkan pemerhatian
<b>3</b>	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Kanak-kanak dapat mengetahui reaksi kimia antara soda bikarbonat dan cuka
		<b>T</b>	soda bikarbonat dan cuka
		<b>R</b>	Mengamalkan sikap toleransi dalam pergaulan dan berkongsi peralatan.
		<b>E</b>	Membuat lakaran roket
		<b>A</b>	Membina roket daripada botol air
		<b>M</b>	Kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran matematik melalui mengira jumlah pensil yang dilekatkan pada botol
<b>4</b>	<b>OBJEKTIF</b>	Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat mengetahui tindak balas eksperimen Roket botol STREAM	

5	<b>BBM</b>	Gunting,pita pelekat, pensel,botol plastik,cuka,corong,soda bikarbonat,pewarna,tisu,gabus penutup botol
5	<b>NILAI MURNI</b>	Kerjasama dan bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti.
7	<p><b><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran.</li> <li>2. Guru menunjukkan contoh Roket Botol STREAM yang telah disiapkan oleh guru.</li> <li>3. Bertanya soalan dengan kanak-kanak mengenai Roket Botol STREAM yang telah ditunjukkan.</li> </ol> <p><u>Contoh soalan.</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Bagaimanakah bentuk roket?</li> <li>b) Dimanakah biasanya adik melihat roket?</li> <li>c) Bagaimanakah roket bergerak?</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Guru membahagikan kanak-kanak kepada 3 kumpulan kecil.</li> <li>5. Kanak-kanak di bawa ke luar kelas.</li> <li>6. Guru menyediakan peralatan untuk membuat Roket Botol STREAM dan menunjukkan cara membuatnya. (Demonstrasi)</li> </ol> <p><b>Langkah 1:</b> Gunting pita pelekat dan lekatkan 3 batang pensel pada botol air</p> <p><b>Langkah 2:</b> Tuangkan cuka ke dalam botol air melalui corong.</p> <p><b>Langkah 3:</b> Tambahkan sedikit pewarna makanan (merah) ke dalam botol air</p> <p><b>Langkah 4:</b>Letakkan satu sudu penuh soda bikarbonat di atas tisu tandas dan gulungkan tisu tersebut. Masukkan gulungan tisu tandas ke dalam botol secara perlahan-lahan. Selepas itu, masukkan getah penyumbat pada penutup botol tersebut.</p> <p><b>Langkah 5:</b>Akhir sekali, goncang dan terbalikkan botol tersebut.</p> <p><b>Langkah 6:</b> Apabila botol digoncang roket akan terbang ke atas.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>7. Setiap kumpulan akan membuat Roket Botol STREAM.</li> </ol>	

- |  |  |
|--|--|
|  | <p>8. Kanak-kanak diminta menguji roket yang dihasilkan.</p> <p>9. Kanak-kanak menceritakan hasil eksperimen yang telah dijalankan.</p> <p><b><u>Nota:</u></b><br/><b><i>guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian</i></b></p> |
|--|--|